

# UMS-UNIMAS perkasa jalinan perhubungan awam

UB 3.3.2019 B3

► Medan erat hubungan silaturahim, semarak semangat kekitaan antara dua universiti

Oleh YAP SIONG HAN

**KOTA KINABALU:** Kunjungan Pejabat Canselori dan Hubungan Antarabangsa Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) kepada Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) Universiti Malaysia Sabah (UMS) meningkatkan lagi jalinan perhubungan awam sedia ada.

Timbalan Pengarah (Korporat) PPSKK UMS Dr. Jakaria Dasan berkata, kunjungan itu juga sekaligus dilihat mampumemantapkan lagi pelaksanaan tugas setiap

kakitangan di kedua-dua universiti, khususnya yang berkaitan dengan hal ehwal komunikasi korporat.

“Dalam pertemuan ini, kami saling berkongsi pengetahuan serta bercerita tentang pengalaman di institusi masing-masing dalam keadaan santai sambil berkenalan antara satu sama lain.

“Lawatan muhibah seumpama ini juga amat penting sebagai medan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim seterusnya menyemarakkan semangat kekitaan sebagai dua universiti yang berjiran di kepulauan Borneo,” katanya ketika ditemui pada lawatan

itu, di sini pada Jumaat.

Lawatan itu menyaksikan seramai 30 orang kakitangan Pusat Canselori dan Hubungan Antarabangsa UNIMAS hadir berkunjung ke UMS dengan diketuai oleh Pengarahnya Azlan Ramli.

Terdahulu, Jakaria dalam ucapannya sempat berkongsi beberapa pendekatan yang digunakan bagi meningkatkan prestasi tugas setiap kakitangan di PPSKK.

Beliau berkata, dalam memastikan setiap kakitangan komunikasi atau perhubungan awam ini sentiasa selesa menerima tugas yang diarah sama ada secara ad-hoc



KAKITANGAH PPSKK dan rombongan Pusat Canselori dan Hubungan Antarabangsa UNIMAS mengambil gambar kenang-kenangan di hadapan Bangunan Canselori.



(Gambar atas) JAKARIA (tengah) menyampaikan cenderahati kepada Azlan (kanan) sambil disaksikan Kurator Kanan PPSKK, Mohd Hilmey Saili (kiri).

(Gambar kiri) ROMBONGAN Pusat Canselori dan Hubungan Antarabangsa UNIMAS melawat Hacheri Institut Penyelidikan Marin Borneo UMS.

atau berjadual, pihaknya sentiasa menekankan konsep pendekatan berkomunikasi seperti ‘rakan sebaya’.

“Umum mungkin lebih maklum akan terma ‘rakan sekerja’ yang mana boleh diterjemahkan kepada beberapa konotasi.

“Salah satu konotasi bagi terma ini ialah mengenai wujudnya hierarki ketua dan kakitangan, atau arahan yang disampaikan oleh seorang yang lebih tinggi jawatannya kepada yang berjawatan rendah,” katanya.

Katanya, PPSKK mula memperkenalkan konsep rakan sebaya agar tidak wujud gambaran perbezaan hierarki dalam kalangan kakitangan.

Jakaria yang juga pensyarah bagi Kursus Pengurusan Strategik dan Kursus Komunikasi Korporat di

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) memaklumkan, pendekatan itu nyata berkesan kerana kadang-kala tugas yang dilakukan adalah selepas waktu bekerja dan pada waktu hujung minggu.

“Secara tidak langsung, pendekatan ini membolehkan semangat berpasukan yang jitu dibentuk dalam kalangan kakitangan,” katanya.

Dalam padai itu, beliau turut berkongsi tentang keunikan-keunikan di Sabah sebagai salah satu sumber rujukan bagi membentuk pendekatan perhubungan awam yang berkesan, selain aspek pemasaran keterampilan dan citra universiti.

Rombongan UNIMAS kemudiannya turut dibawa melawat ke beberapa destinasi menarik sekitar UMS.

